



IBU PEJABAT,  
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT,  
MALAYSIA,  
LEBUH WAWASAN, PRECINCT 7,  
62250 PUTRAJAYA.

Telefon : 603-88880036  
Faks : 603-88880962  
Laman Web : [www.bomba.gov.my](http://www.bomba.gov.my)  
E-mail : [korporat@bomba.gov.my](mailto:korporat@bomba.gov.my)

‘CEPAT DAN MESRA’

Ruj. Kami: JBPM:PAW/013/20/2 (56 )


Tarikh : 20 Mei 2011

## KENYATAAN MEDIA

### RAMBUT PELATIH BOMBA WANITA DIPOTONG BOTAK

PUTRAJAYA 20 Mei 2011 – Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia merujuk kepada aduan “Bapa Kecewa” Alor Setar, Kedah yang telah disiarkan dalam ruangan Forum, Utusan Malaysia bertarikh 16 Mei 2011 yang lalu.

Dimaklumkan bahawa falsafah latihan yang diamalkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia ialah mempersiapkan modal insannya untuk menghadapi tugas yang mencabar, berat, lasak dan berisiko. Latihan yang dijalankan perlulah lebih hebat dari senario sebenar yang bakal dihadapi, supaya apabila seseorang telah terbiasa dengan keadaan lebih sukar, mereka akan mudah melaksanakan semua tugas yang mendatang. Sebaliknya jika mereka tidak biasa dengan kesukaran, mereka akan mudah tewas dan ini membahayakan dirinya dan juga mangsa yang bakal diselamatkan.



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008  
CERT. NO : AR 5037

Dalam memenuhi falsafah ini, pelbagai kaedah telah digunakan. Ini termasuklah pembentukan jati diri, persiapan mental dan fizikal sebelum diterapkan dengan ilmu-ilmu kebombaan. Diperingkat permulaan, penekanan yang dilakukan ialah untuk mentransformasikan sahsiah diri dari seorang awam kepada pasukan beruniform dengan nilai-nilai dan disiplin yang tersendiri.

Pemotongan rambut pelatih bertujuan memberi keselesaan dan keselamatan kerana latihan yang bakal dihadapi adalah dalam suasana panas dan basah (api dan air); yang silih berganti. Sayugia dijelaskan, pemotongan rambut pelatih wanita dilakukan oleh pegawai wanita didalam bilik tertutup. Sepanjang latihan, pelatih wanita yang beragama Islam akan memakai tudung manakala yang bukan beragama Islam digalakkan memakai skaf. Pemotongan rambut pendek ini hanya dilakukan sekali sahaja dipermulaan kursus dan akan di"trim" kemas selepas itu.

Berpuluh-puluh ribu orang anak muda kita, lelaki atau wanita telah melalui proses ini. Banyak juga yang tewas dan menarik diri tetapi bagi yang berhati cekal dan benar-benar berminat akan kerjaya ini, mereka akan menghadapi setiap cabaran dengan minda dan hati yang terbuka dan mereka menjadi modal insan yang penting dalam menjayakan misi dan visi Jabatan.

\*\*\*\*\*

Dikeluarkan Oleh :

Sobberi b. Basiran

Penolong Ketua Pengarah

Bahagian Pengurusan Korporat

Ibu pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia

[sobberi\\_64@bomba.gov.my](mailto:sobberi_64@bomba.gov.my);